

Santuni remaja melalui puisi

MEMPERKENAL puisi kepada remaja perlu demi membajai kesinambungan memperkasa kesusasteraan semenjak awal.

Pada peringkat ini, mereka perlu didedahkan dengan istilah-istilah kesusasteraan guna memperhalusi bahasa yang lebih murni.

Ini kerana bahasa tidak sekadar pengucapan biasa tetapi lebih daripada itu memerlukan keindahan atau estetika supaya lebih lengkap dan sempurna.

Hal ini sejajar dengan langkah Kementerian Pendidikan memperkenalkan Komponen Sastera (KOMSAS) di sekolah.


Justeru, kumpulan puisi *Bunga Impian* karya Zainal Abdul Kadir mampu mengajak remaja meneroka tema-tema luhur dengan bahasa yang mudah difahami seperti kecekalan mengejar cita-cita, keagamaan, pendidikan, kekeluargaan, persahabatan, patriotisme dan pengalaman hidup.

Penyair membahagikan tema kepada tujuh belahan iaitu *Cebisan Rindu*, *Cebisan Kenangan*, *Untuk Nusa dan Bangsa*, *Persahabatan*, *Ingatan Buat Diri*, *Tragedi* dan *UPM Di Hati*.

Sajak *Bunga Impian* yang diangkat menjadi judul kumpulan puisi ini mengetengah tema perjuangan mengejar cita-cita dengan bahasa terus langsung seperti terakam dalam rangkap berikut:

“impian mengejar
cita-cita di menara
gading...
sekali melangkah
usahlah berpaling...
bahawa di sinilah
putera puteri harapan
bangsa...
menjadi lebih berakal
dan sempurna...
menjadi lebih matang
dan bijaksana...
menjadi insan
yang berbudi dan
berbakti...
kepada ayah bonda
dan ibu pertiwi.”

Perlambangan “*Bunga*” yang dimaksudkan oleh



PENULIS : Zainal Abdul Kadir
PENERBIT : Universiti Putra Malaysia (UPM)
HARGA : RM20
TEBAL : 66 halaman
TERBITAN : 2018

penyair ialah anak bangsa.

Selanjutnya menerusi tema kekeluargaan, penyair melahirkan rasa kecintaan kepada ibu di desa dengan bait-bait puisi yang puitis seperti berikut:

“ibu...
hulurkan aku
sekuntum rindu... dari
desa...
biar kucium baunya...
sekuntum rindu pada
desa...
bergetar...
dari rasa lama...
ada fikiran baru
pulang...
mencurah harapan...
rindu pada desa...
kian memuncak...
pada harumnya...
pada nyamannya.”

Beberapa buah sajak lagi yang menarik antaranya ialah *Antara Kita*, *Maafkan Daku*, *Perahu Persahabatan*, *Kata Bulan* dan *Aku Sebuah Negara*.

Sejumlah 65 buah puisi yang terkandung dalam buku terbitan Universiti Putra Malaysia (UPM) menampilkan emosi remaja yang bernilai murni seterusnya menyantuni remaja dengan puisi-puisi yang berwibawa, mudah difahami dan pada masa sama tidak mengabaikan unsur-unsur estetika berpuisi. - **ABDULLAH SHUIB**